

Klasifikasi semula dokumen rundingan jambatan

KUALA LUMPUR 1 Julai - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan kepada kerajaan supaya mengklasifikasikan semula dokumen-dokumen berkaitan rundingan antara Malaysia dan Singapura mengenai projek jambatan yang telah dibatalkan.

Ini akan membolehkan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar memberikan bukti dalam bentuk dokumen bagi menyokong dakwaan beliau bahawa Malaysia, dalam usahanya hendak membina sebuah jambatan baru ke Singapura, tidak menawarkan untuk menjual pasir dan kebenaran menggunakan ruang udara kepada republik itu, katanya dalam kenyataan di sini.

"Jika tidak benar baliawa Malaysia telah menawarkan untuk menjual pasir kepada Singapura dan memberikan ruang udara bagi pesawat perang untuk mengadakan

latihan, maka Menteri Luar itu mesti menunjukkan dokumen bukti, termasuk minit mesyuarat-mesyuarat dan drat perjanjian-perjanjian di mana cadangan-cadangan itu dibuat.

"Ini boleh dilakukan dengan cara mengklasifikasikan semula minit mesyuarat-mesyuarat antara pasukan-pasukan Malaysia dan Singapura yang berunding untuk membuktikan secara melampaui keraguan kenyataan menteri berkenaan. Akta Rahsia Rasmi tidak seharusnya digunakan untuk menyembunyikan kebenaran," kata Dr. Mahathir, sebagai jawapan kepada kenyataan Syed Hamid di Parlimen, Khamis lepas.

Dalam jawapan bertulisnya kepada Ketua Pembangkang Lim Kit Siang, Syed Hamid berkata, Malaysia tidak membuat kedua-dua tawaran itu kepada Singapura seperti yang didakwa oleh Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir berkata, berdasarkan pemahaman beliau, cadangan itu datang daripada Malaysia dan tiada apa-apa bukti bertulis yang menunjukkan bahawa permintaan itu sebenarnya berasal dari Singapura.

Kuantiti

Mengenai dakwaan oleh Syed Hamid bahawa pasir telah dijual kepada Singapura sejak zaman pemerintahan beliau lagi. Dr. Mahathir berkata, kuantitinya pada masa itu sangat kecil berbanding apa yang ditawarkan kepada Singapura sekarang yang berjumlah sehingga satu bilion meter padu bagi tempoh 20 tahun.

Beliau berkata, amalan itu telah berlanjutan malah sejak sebelum beliau menjadi Perdana Menteri lagi.

Dr. Mahathir menegaskan bahawa beliau

yang telah menghentikan amalan seumpama itu, yang pada masa itu dilakukan oleh entiti swasta, selepas amalan seumpama itu terbukti memudaratkan integriti kawasan pesisir dan kedatilangan Malaysia.

Mengenai isu memberi kebenaran menggunakan ruang udara kepada Tentera Udara Republik Singapura (RSAF), Dr. Mahathir berkata tentera udara republik itu pernah diberi kebenaran untuk menggunakan ruang udara Malaysia pada masa lepas.

Bagaimanapun, beliau memutuskan untuk menarik balik kebenaran itu apabila RSAF menyalahgunakan kebenaran itu dengan mengadakan penerbangan melebihi ruang udara Johor dan mengadakan latihan mencari dan menyelamat tanpa memaklumkan atau meminta kebenaran daripada pihak berknasa Malaysia.

Bernama